

# AL-HIKMAH

---

**Jilid            9            ISSN 1985-6822            2017**  
**No.            1            1438**

---

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24  
*Abdul Munir Ismail & Muhamad AR*
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32  
*Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi*
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48  
*Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari*
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59  
*Abdul Wahab Md. Ali*
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79  
*Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang*
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109  
*Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit*
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127  
*Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini*
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140  
*Selvarani P. Kovil Pillai*
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158  
*Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah*
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172  
*Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don*
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179  
*Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad*

*Al-Hikmah* 9(1) 2017: 60-79

## Penghayatan Agama Islam dalam Kalangan Bidayuh Muslim Sarawak

Islamic Religious practice among the Sarawak Bidayuh Muslims

ROZIAH BINTI CHEK  
JAFFARY BIN AWANG

### ABSTRAK

Secara prinsipnya penghayatan agama dalam kalangan saudara baru di Sarawak akan diukur menggunakan instrumen kajian. Ianya bertujuan untuk menentukan tahap penghayatan dan pengamalan agama dalam kalangan masyarakat Islam Sarawak yang bersifat pelbagai etnik. Penilaian ini menjurus kepada amalan sehari-hari masyarakat Bidayuh dalam pelbagai aspek seperti sosio-ekonomi, budaya, pendidikan dan lain-lain bidang selepas memeluk Islam. Seterusnya kajian juga meneliti perbezaan malan agama dalam kalangan masyarakat Islam Bidayuh berdasarkan kepada jantina dan cabang etnik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang melibatkan temubual, soal selidik dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data. Data-data ini dianalisis secara deskriptif, inferensi dan analisis statistik menggunakan SPSS (Statistical Package for the Social Science) versi 19.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa agama mempengaruhi pola pemikiran dan tingkah laku masyarakat Islam Bidayuh Sarawak, terutamanya dalam aspek interaksi, aplikasi dan perbualan. Keseluruhan skor dalam objektif kajian ini menunjukkan tahap amalan yang tinggi dan tahap kepercayaan berada pada tahap sederhana dan memuaskan dari sudut perlaksanaan nilai dan ajaran Islam. Malah terdapat beberapa aspek yang perlu dipertingkatkan terutama berhubung dengan ajaran Islam. Implikasi kajian ini penting dalam menyediakan maklumat berhubung dengan amalan Islam dalam kalangan masyarakat Bidayuh dan membuka ruang kepada kajian agama terhadap kelompok Muslim lain secara pendekatan kajian yang lebih saintifik khususnya di Sarawak.

**Kata kunci:** Penghayatan Agama, Saudara Kita, Muslim Bidayuh

## ABSTRACT

In principle, religious practice, but measured subjectively assessed flexibly via the instrument in this study to the Muslim brothers (converts) in Sarawak , It aims to determine the level of appreciation and practice of multi-ethnic communities in Sarawak Bidayuh Islam. It stems from the practice of everyday life Bidayuh in various aspects such as socio-economic, cultural, educational and other after embracing Islam. In addition, the study will also look at the differences in religious practice among the people of Islam in Sarawak Bidayuh based on gender and ethnic branch. This topic is important in tracing the development of Islam in Sarawak on a global basis. Qualitative and quantitative research uses research library (documentation) and field (based on interviews, questionnaires and observations) in data collection process. The data were analyzed through descriptive, inferential and others using computers and statistical analysis software SPSS (Statistical Package for the Social Science) Version 19.0. The results showed that religious influence patterns of thought and behavior Bidayuh Islam Sarawak, especially in terms of interaction, application and conversation. The overall mean score in the study objectives were to show a high level of appreciation (of practice), and religious beliefs steady and satisfactory implementation of the values and teachings of Islam. Even so, there are some aspects to be improved, especially in terms of the message of Islam and others. All parties should work together to take on this responsibility. The implications of the study will provide important input as well as information about the practice of Islam in religious Bidayuh and opened up a study of religion to the Muslim brothers (convert) more deeply to increase scientific references about religion, especially in Sarawak.

**Keywords:** Religious Practice, Muslim Brothers, Muslim's Bidayuh

## PENGENALAN

Kecenderungan beragama merupakan fitrah manusia. Justeru, manusia secara fitrahnya akan akur dan tunduk dalam melaksanakan perintah Pencipta. Selaras dengan itu Allah S.W.T menyediakan Islam sebagai petunjuk dan garis panduan kepada manusia melalui perutusan Rasulullah S.A.W. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan amalan nilai-nilai

keagamaan dalam kehidupan sehari-hari kalangan saudara muslim masyarakat Bidayuh Sarawak

### **Definisi Golongan Saudara Muslim**

Pelbagai takrifan dan pengertian dikemukakan berkaitan dengan 'saudara kita/muslim'. Ensiklopedia Islam (2005) memberi penjelasan tentang definisi 'saudara kita' dengan merujuk kepada orang yang diambil perhatiannya agar masuk Islam atau memperkuatkan keislamannya. Definisi yang hampir sama dikemukakan oleh Mohd. Farid Ravi Abdullah (2004:57) iaitu saudara kita/ Muallaf adalah merujuk kepada orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baharu masuk Islam yang imannya masih lemah. Golongan saudara baru digelar 'muallaf' sepertimana Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*Sesungguhnya sedekah-sedekah(zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus-pengurus (amil) zakat, para mualaf yang dipujuk hatinya, untuk hamba-hamba sahaya yang hendak memerdekaan dirinya, orang yang berhutang untuk jalan Allah dan orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”*

(Al-Quran, Surah al-Taubah,9: 60)

Merujuk kamus Istilah Fiqh (1997) muallaf atau saudara kita/ muslim ialah mereka yang dipujuk hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Mualaf adalah orang yang baru memeluk agama Islam atau saudara baru (saudara kita) (Noresah Bt. Baharom, Hajah et.al. 2002:900) Mereka tergolong dalam lapan asnaf yang disebut dalam al-Quran golongan yang berhak menerima bantuan zakat (Marina Binti Majeri. 2003) Al-Qurtubi di dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat tersebut jelas menyenaraikan 'mualaf' sebagai golongan yang berhak untuk menerima zakat (Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad. 1985: 181) Dalam konteks Malaysia, 'Saudara Kita' merupakan golongan yang baru memeluk agama Islam. Namun dalam konteks perbincangan ini istilah 'Saudara Kita' atau 'Saudara Muslim' akan digunakan pakai memandangkan penggunaannya lebih diterima dan masih terpakai oleh semua pihak termasuk di Sarawak dan Sabah.

## LATAR BELAKANG MASYARAKAT BIDAYUH SARAWAK

Kaum Bidayuh merupakan kaum keempat terbesar di Sarawak berdasarkan perangkaan tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Sarawak. Kaum Bidayuh membentuk sekitar 8.4 peratus (198,473 orang) daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Adapun masyarakat Bidayuh dikatakan terdiri daripada empat pecahan etnik yang mempunyai empat cabang bahasa atau dialek yang berbeza, iaitu; Selakau/Lara (Daerah Lundu), Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah Kecil Padawan) dan Bukar/Sadong (Daerah Serian) (Ahi Sarok: 2002) Selain itu, latar belakang anutan kepercayaan dan keagamaan masyarakat Bidayuh Sarawak dikatakan dipengaruhi oleh latar belakang sejarah negeri Sarawak iaitu semasa pemerintahan Kesultanan Brunei, pemerintahan Keluarga James Brooke (Rajahs) dan juga sejarah anutan asal penduduk bumiputra Sarawak iaitu Paganisme (Animisme) dan pelbagai anutan lain. Penduduk Bidayuh Sarawak terbahagi kepada beberapa perkampungan Islam, Kristian dan bercampur Islam dan Kristian. Majoriti masyarakat Bidayuh beragama Kristian iaitu sekitar 161, 617 orang, beragama Islam berjumlah 4,738 orang dan lain-lainnya mengamalkan pelbagai agama seperti animisme dan sebagainya (Jabatan Perangkaan Malaysia: 2010)

Masyarakat Bidayuh merupakan masyarakat etnik Sarawak yang rata-ratanya mendiami kawasan bukit di luar bandar Kuching. Kaum Bidayuh (juga dipanggil 'Dayak Darat') yang sejak dari awal lagi tinggal di kawasan Lundu, Bau, Kuching dan Serian. Secara tradisinya mereka merupakan kaum pribumi yang menjadi petani pindah yang menanam padi huma. (Malaysia Kita.1991:414). Terdapat pelbagai suku kaum di kalangan Bidayuh dan masing-masing mengamalkan pegangan serta adat resam yang tersendiri. Kebudayaan dan adat resam ini banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur ritual dan kepercayaan yang mereka anuti (Warisan Budaya Malaysia Adat Resam-Masyarakat Etnik Sarawak:t.th).

Perbincangan seterusnya adalah analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh Islam di Sarawak. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Tahap pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh Islam di Sarawak

No	Pengalaman keagamaan	STS	TS	KS	S	SS	Min	sp	Interp.
52	Agama banyak membimbing saya dalam pergi-prungi harian.	1 (0.3%)	2 (0.6%)	17 (4.7%)	123 (34.0%)	219 (60.5%)	4.54	0.64	Tinggi
53	Setiap hari saya mengamalkan ajaran Islam.	-	1 (3.9%)	18 (5.0%)	135 (37.3%)	208 (57.5%)	4.52	0.61	Tinggi
54	Saya tidak melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama.	4 (1.1%)	6 (1.7%)	34 (9.4%)	168 (46.4%)	150 (41.4%)	4.25	0.78	Tinggi
55	Doa adalah satu cara untuk menguatkan spiritual (jiwa).	3 (0.8%)	5 (1.4%)	13 (3.6%)	91 (25.1%)	250 (69.1%)	4.60	0.70	Tinggi
56	Ajaran Islam adalah cara hidup terbaik yang menjamin keamanan dan keseliheraan hidup bermasyarakat.	-	-	2 (2.5%)	94 (26.0%)	259 (71.5%)	4.69	0.51	Tinggi
57	Kepercayaan kepada agama yang dianut memberi kesan terhadap gaya hidup saya.	10 (2.8%)	3 (0.8%)	9 (2.5%)	111 (30.7%)	229 (63.3%)	4.51	0.83	Tinggi
58	Ajaran agama Islam memberi pergaruh kepada anak-anak dan ahli keluarga saya.	8 (2.2%)	6 (1.7%)	8 (2.2%)	131 (36.2%)	209 (57.7%)	4.46	0.81	Tinggi
59	Saya akan memastikan anak dan keluarga saya menutup aurat.	1 (0.3%)	1 (0.3%)	5 (1.4%)	125 (34.5%)	230 (63.5%)	4.61	0.56	Tinggi
60	Saya akan memastikan anak-anak dan ahli keluarga saya bercakap dengan penutup adab sopan.	2 (0.6%)	-	5 (1.4%)	118 (32.6%)	237 (65.5%)	4.62	0.57	Tinggi
61	Saya akan memastikan anak-anak dan keluarga saya mendapat pendidikan agama Islam sepadan.	1 (0.3%)	-	4 (1.1%)	101 (27.9%)	256 (70.7%)	4.69	0.52	Tinggi
62	Saya sentiasa ke rumah ibadat sepadan.	14 (3.9%)	25 (6.9%)	43 (11.9%)	155 (42.8%)	125 (34.5%)	3.97	1.04	Sederhana Tinggi
63	Saya sentiasa memunaikan ibadat yang diperintahkan oleh agama saya.	5 (1.4%)	2 (0.6%)	32 (8.8%)	144 (39.8%)	179 (49.4%)	4.35	0.78	Tinggi
64	Saya selalu menghadiri kelas keagamaan.	9 (2.5%)	19 (5.2%)	58 (16.0%)	138 (38.1%)	138 (38.1%)	4.04	0.99	Tinggi
65	Kepatuhan yang tinggi dalam agama membantu saya meningkatkan sikap toleransi terhadap agama lain.	1 (0.3%)	5 (1.4%)	20 (5.5%)	156 (43.1%)	180 (49.7%)	4.41	0.69	Tinggi

66	Saya percaya bahwa Tuhan akan menbalas setiap tindakan dan tingkah laku saya.	7 (1.9%)	2 (0.6%)	4 (1.1%)	107 (29.6%)	242 (66.9%)	4.59	0.73	Tinggi
67	Saya suka mengumpat orang lain.	187 (51.7%)	71 (19.6%)	29 (8.0%)	39 (10.8%)	36 (9.9%)	3.92	1.39	Sederhana tinggi
68	Jika kita memohon kepada Allah dengan sepenuh keyakinan maka Allah akan makbulkan.	25 (6.9%)	5 (1.4%)	11 (3.0%)	112 (30.9%)	209 (57.7%)	4.31	1.09	Tinggi
69	Saya selalu merujuk kepada tokoh agama (Iman/ Ustaz/Bilal).	6 (1.7%)	4 (1.1%)	26 (7.2%)	169 (46.7%)	157 (43.4%)	4.29	0.79	Tinggi
70	Semakin maju negara itu semakin hilang nilai-nilai agama dalam masyarakat.	78 (21.5%)	63 (17.4%)	63 (17.4%)	88 (24.3%)	70 (19.3%)	3.02	1.43	Sederhana Tinggi
71	Taraf hidup saya semakin baik apabila saya mengikuti ajaran Islam.	-	-	12 (3.3%)	122 (33.7%)	228 (63.0%)	4.60	0.56	Tinggi
	Keseluruhan					4.35	0.37	Tinggi	

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa setiap item dalam pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah ajaran Islam adalah cara hidup terbaik yang menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat ( $\text{min} = 4.69$  dan  $\text{sp} = 0.51$ ) berada pada tahap tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 259 orang (71.5%) responden menyatakan sangat setuju, seramai 94 orang (26.0%) responden menyatakan setuju dan seramai 2 orang (2.5%) responden menyatakan kurang setuju dan juga item, Saya akan memastikan anak-anak dan keluarga saya mendapat pendidikan agama Islam sepenuhnya ( $\text{min} = 4.69$  dan  $\text{sp} = 0.52$ ) berada pada tahap tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 256 orang (70.7%) responden menyatakan sangat setuju, seramai 101 orang (27.9%) responden menyatakan setuju, seramai 4 orang (1.1%) responden menyatakan kurang setuju dan seramai 1 orang (0.3%) responden menyatakan sangat tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah semakin maju negara itu semakin hilang nilai-nilai agama dalam masyarakat, ( $\text{min} = 3.02$  dan  $\text{sp} = 1.43$ ) berada pada tahap sederhana. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 88 orang (24.3%) responden menyatakan setuju, seramai 78 orang (21.5%) menyatakan sangat tidak setuju, seramai 70 orang (19.3%) pula menyatakan sangat setuju, seramai 63 orang menyatakan setuju dan seramai 63 orang menyatakan tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh berada pada tahap tinggi ( $\text{min} = 4.35$  dan  $\text{sp} = 0.37$ ).

## TAHAP PENGAMALAN KEHDIUPAN BERAGAMA DALAM KALANGAN MASYARAKAT BIDAYUH ISLAM DI SARAWAK

### Amalan Beragama Terhadap Akidah Islam

Pengamalan keagamaan adalah untuk mengetahui sejauhmana masyarakat Bidayuh Islam Sarawak menghayati nilai-nilai dan ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian. Sejarah penyebaran Agama Islam di Sarawak dikatakan bermula dengan kedatangan pemerintahan Kesultanan Brunei di Sarawak. Adalah dipercayai bahawa agama Islam telah disebarluaskan dalam kalangan penduduk bumiputera Sarawak pada masa pemerintahan Kesultanan Brunei. Disebabkan penguasaan sebenarnya terhad di kawasan persisiran pantai dan jalan perdagangan utama di muara sungai, maka

penduduk bumiputera terutamanya orang Melayu, Melanau dan Kedayan yang mendiami kawasan berkenaan telah menerima Islam. Penduduk bumiputera daripada suku kaum lain di pedalaman tidak begitu dipengaruhi oleh pentadbiran Kesultanan Brunei dan kekal dengan cara hidup tradisi (Malaysia Kita. 1991: 410-411)

Praktis keagamaan individu disebut oleh Sunawari Long (2010) sebagai proses penghayatan nilai-nilai agama menjadi sebatи dalam diri dan kemudiannya terpancar pada pengungkapan dan amalan harian responden (Ahmad Sunawari Long, 2010:348). Sementara dalam Islam menjelaskan bahawa iman dan amal (perbuatan) merupakan satu ikatan yang tidak dapat dipisahkan. Penghayatan yang tinggi kepada agama mampu merangsang serta menolong serta mendorong manusia mengamalkan nilai-nilai kehidupan yang murni seperti, rajin, berdisiplin, bersyukur, bertanggungjawab dan amanah, seterusnya dapat menjauhkan daripada sifat-sifat keji seperti tamak, hasad dengki, benci membenci dan lain-lain yang merosakkan masyarakat (Sri Rahayu Ismail, 2006:1).

### **Kesan Beriman kepada Allah S.W.T.**

Berdasarkan dapatan skor min yang tinggi pada item, Kepercayaan kepada agama yang dianuti memberi kesan terhadap gaya hidup saya ( $\text{min}=4.51$  dan  $\text{sp}=0.83$ ) menunjukkan tahap pengamalan agama kesan daripada beriman kepada Allah S.W.T. Ini menunjukkan pengamalan ajaran agama Islam memberi kesan dan pengaruh terhadap gaya hidup. Pengaruh gaya hidup didorong oleh pemikiran kognitif yang benar dan tepat berdasarkan acuan Islam melalui penghayatan kepada kitab al-Quran dan hadith. Pengaruh Islam telah mengubah kehidupan daripada kurang sempurna atau kurang teratur menjadi lebih sempurna, daripada mundur kepada maju, daripada buruk kepada baik seperti daripada suka berpeleseran membuang masa kepada menghargai setiap masa yang ada dengan pengisian ibadat, amal jariah dan sebagainya, daripada minum arak, menaghid dadah dan segala yang memabukkan kepada menjalani hidup yang lebih sihat tanpa dadah, arak dan sebagainya.

Begitu juga skor yang tinggi pada item, ajaran agama Islam memberi pengaruh kepada anak-anak dan ahli keluarga saya( $\text{min}=4.46$  dan  $\text{sp}=0.81$ ) membuktikan terdapatnya pengamalan agama dalam aspek tersebut. Kesan dan pengaruh Islam juga telah merubah kehidupan anak-anak dan ahli keluarga menjadi lebih baik khususnya dalam aspek akhlak dan tingkah laku sehari-hari. Contohnya, mereka suka membantu ibu bapa dan orang tua serta rajin mengulangkaji pelajaran. Ini kerana Islam menggalakkan amalan membantu sesiapa sahaja terutamanya ibu bapa,

menuntut ilmu dengan menjanjikan kemuliaan, ganjaran yang besar dan martabat yang tinggi bagi penuntut ilmu.

Dapatkan skor tinggi dari item, Taraf hidup saya semakin baik apabila saya mengikuti ajaran Islam(min=4.60 dan sp=0.56) menunjukkan tahap kepatuhan terhadap ajaran agama Islam memberi impak positif dalam meningkatkan taraf hidup samada dari aspek, sosio-ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Kesan daripada ajaran Islam menjadikan hidup responden lebih baik dan sempurna. Setiap aspek ajaran Islam adalah berdasarkan dan selari fitrah, ia amat mudah untuk diikuti kerana ianya memang sudah ada dalam peraturan alam. Selain itu, umat Islam memainkan peranan memberi kefahaman dan pengolahan tentang ilmu yang asli daripada warisan tamadun yang terdahulu sama ada dalam ilmu agama, perubatan, falsafah, fizik, kimia dan seterusnya.

#### **Keyakinan dan Kekuatan kerohanian Melalui Akidah Islam.**

Dapatkan menunjukkan skor min yang tinggi pada item, Doa adalah satu cara untuk saya menguatkan spiritual (jiwa) (min= 4.60 dan sp=0.70) dan item, Jika kita memohon kepada Allah dengan sepenuh keyakinan maka Allah akan makbulkan(min= 4.31 dan sp =1.09). Ini menunjukkan kedua item tersebut saling berkait rapat. Ia membuktikan peranan doa sebagai senjata dan sumber kekuatan ummah. Ia juga membuktikan tahap keyakinan dan keikhlasan yang tinggi dalam pengibadatan terhadap Allah S.W.T akan diberi ganjaran yang tiada tolok bandingan dengan jaminan segala hajat tersebut akan dimakbulkan, sejajar dengan tahap keyakinan dan kekuatan jiwa yang kukuh, unggul dan amat kental di zaman para nabi dan rasul. Justeru, di dalam al-Quran dan al-hadith banyak disebut kepentingan berdoa, kerana ia merupakan senjata utama kaum mukmin dalam mengharungi kehidupan, kebergantungan hanya pada Allah.

Demikian juga item, Saya percaya bahawa Tuhan akan membalaas setiap tindakan dan tingkah laku saya (min =4.59 dan sp =0.73) menunjukkan skor yang tinggi membuktikan keimanan terhadap akidah Islam yang kukuh dengan kepercayaan terhadap pembalasan ke atas setiap perbuatan di dunia daripada sekecil-kecil kepada sebesar-besar perkara. Setiap manusia dipertanggungjawabkan ke atas segala amal perbuatan yang dilakukan oleh mereka. Kekerapan dan peratusan item menunjukkan tahap pengamalan yang tinggi dalam aspek akidah Islam melalui keyakinan kepada perkara Sami'yyat seperti dosa dan pahala, syurga dan neraka, alam barzakh dan sebagainya. Ianya sinonim dengan konsep beriman kepada hari Akhirat. Untuk memelihara hak menganut agama supaya tidak terganggu, seseorang hendaklah mengamalkan ajaran agamanya dan bukan setakat

beriman dengan mengakui diri sebagai muslim dengan kata-kata. Perlaksanaan ajaran agama ini mencakupi wajib aini dan kifayah secara perseorangan mahupun jemaah. Ini kerana apabila kepercayaan terhadap agama terhakis, nilai mulia juga akan terhakis (Abdul Monir Yaacob, 2005:532).

## PENGAMALAN KEHIDUPAN BERAGAMA TERHADAP IBADAT DAN MUAMALAT ISLAM

### **Kepatuhan dalam Perlaksanaan Ibadat Islam**

Dapatkan bagi item, Saya sentiasa menunaikan ibadat yang diperintahkan oleh agama saya. Item ini dikemukakan untuk mengetahui tahap pengamalan dan perlaksanaan ibadat secara umum iaitu; ibadat solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Item ini berkait rapat dengan persoalan dalam item pengetahuan asas tentang Islam iaitu ibadat solat (item 25-28), ibadat puasa (item 29-30), ibadat zakat (31) dan haji (32). Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap pengamalan dan penghayatan agama responden secara tidak langsung. Dapatkan menunjukkan skor min yang tinggi dalam setiap item pengetahuan asas tersebut, disokong pula oleh skor min yang tinggi dari pengamalan dalam konteks ibadat Islam pada item, Saya sentiasa menunaikan ibadat yang diperintahkan oleh agama saya (min=4.35, sp=0.78) menggambarkan ajaran Islam melalui aspek ibadat dipraktikkan secara berkesan dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Item Saya sentiasa ke rumah ibadat dikemukakan untuk mengetahui tahap pengamalan ibadat dalam konteks lebih menyeluruh iaitu tahap kepatuhan responden dalam melaksanakan ibadat solat berjemaah di masjid atau surau.

Demikian juga dapatan menunjukkan skor yang tinggi dalam item, Saya akan memastikan anak dan keluarga saya menutup aurat (min=4.61, sp=0.56). Item ini dikemukakan untuk mengetahui tahap pengamalan dari aspek hukum menutup aurat. Antara item ini dengan item kefahaman Islam iaitu aurat kaum lelaki adalah antara pusat dan lutut (min=4.59, sp=0.72) kelihatan mempunyai kaitan dan menunjukkan kefahaman agama saling berkait rapat dengan pengamalan agama. Dalam konteks hukum menutup aurat ini menunjukkan kefahaman yang tinggi mendorong responden untuk mendidik anak-anak dan ahli keluarga supaya menutup aurat. Ini selari dengan perintah Allah SWT yang bermaksud:

*“Peliharalah kamu diri kamu dan ahli keluarga kamu daripada api neraka.” (Al-Quran, al-Hujurat)*

b) Kepatuhan terhadap Aspek Muamalat Islam

Skor min yang tinggi pada item, Agama banyak membimbing saya dalam pergaulan harian ( $\text{min}=4.54$  dan  $\text{sp} =0.64$ ) menunjukkan peranan agama sebagai panduan utama hidup responden. Kepatuhan yang tinggi dalam agama membantu saya meningkatkan sikap toleransi terhadap agama lain ( $\text{min}=4.41$  dan  $\text{sp}= 0.69$ ). Selain itu, kepatuhan yang tinggi dalam ajaran agama menjadikan saya lebih peka untuk meningkatkan sikap toleransi terhadap agama lain. Ini kerana Islam menggalakkan penganutnya memaparkan akhlak yang baik samada sesama Islam mahupun bukan Islam melalui ajaran agamanya. Aplikasi agama sangat penting dalam Islam.

**Jaminan Sosial dalam Islam.**

Jaminan sosial dalam Islam terbukti dalam dapatan kajian ini dengan skor yang tinggi pada item, Ajaran Islam adalah cara hidup terbaik yang menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat ( $\text{min } 4.69=$  dan  $\text{sp} =0.51$ ). Ini menggambarkan tahap jaminan sosial yang tinggi dalam agama terhadap semua golongan dan komuniti dalam sesebuah negara. ‘Islam is the way of life’ merupakan prinsip utama menjamin keharmonian, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Al-Qardhawi menjelaskan bahawa jaminan sosial dianggap sebagai ‘prinsip am’ yang merangkumi kesemua anggota masyarakat samada Islam atau bukan Islam. Hakikatnya menentang kemudaratan di dalam masyarakat manusia adalah tanggungjawab agama yang wajib dipikul samada oleh orang Islam mahupun bukan Islam. Beliau menjelaskan hak jaminan sosial tersebut dengan satu kisah yang berlaku di Damsyik, iaitu ketika ‘Umar telah lalu berhampiran dengan sekumpulan orang Masehi yang diserang penyakit kusta,’Umar mengarahkan supaya mereka diberi sedekah dan disediakan makanan harian dengan erti hendaklah kerajaan sendiri yang menanggung makanan dan pakaian mereka secara teratur setiap hari (Al-Qardhawi : 12). Jelas menunjukkan Islam menjamin segala hak dan kepentingan non-muslim yang tinggal di bawah kepimpinan Islam dengan jaminan sosial yang padu.

Persoalan agama menarik para Sarjana Islam dan Barat untuk membuat beberapa kenyataan, andaian, tanggapan ataupun fakta melalui kajian mereka terhadap agama. Sukar ditentukan kebenaran kenyataan tersebut kerana tiada panduan khusus tentang itu. Cuma garis panduan dengan berpandukan kepercayaan dan pegangan masing-masing menyumbang kepada penonjolan hujah-hujah tersebut. Selaras dengan itu,

peranan agama dalam konteks pemahaman dan pengamalan agama dalam masyarakat khususnya di Sarawak diperkembangkan melalui beberapa guide line yang telah termaktub dalam perundangan, cuma dari segi perlaksanaannya kadang kala cuba diselaras dan disesuaikan dengan adat budaya, corak hidup dan pemikiran masyarakat pelbagai etnik di Sarawak. Apa yang penting pengukuhan akidah dan syariat Islam dilaksanakan melalui program-program dan aktiviti oleh JAIS, JAKIM dan lain-lain badan kerajaan dan NGO's secara terancang dan berterusan melalui guide line tersebut di bawah matlamat dakwah Islam. Justeru, falsafah tauhid inilah mengajar manusia supaya memiliki kesatuan matlamat (unity of purpose) dalam segala urusan kegiatan kehidupan termasuk usaha membangunkan negara (Nik Mustapha Hj.Nik Hassan, 2005:669).

#### PRAKTIK/PENGAMALAN HIDUP BERAGAMA TERHADAP AKHLAK (TINGKAH LAKU)

##### **Kepatuhan terhadap Akhlak Islam.**

Dapatkan kajian dalam item, Setiap hari saya mengamalkan ajaran Islam menunjukkan pengamalan ajaran agama yang tinggi dalam segala aspek kehidupan melalui item tersebut ( $\text{min}=4.52$  dan  $\text{sp}=0.61$ ) dan item, Saya tidak melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama ( $\text{min}=4.25$  dan  $\text{sp}=0.78$ ). Item ini untuk mengukuhkan lagi kenyataan pada item sebelumnya. Saya suka mengumpat orang lain ( $\text{min}=3.92$   $\text{sp}=1.39$ ). Item ini untuk menguji sejauh mana kefahaman dan pengamalan ajaran-agaran Islam serta perkara dilarang dalam agama Islam dan juga sebagai pengukuhan kepada item sebelumnya. Saya akan memastikan anak-anak dan ahli keluarga saya bercakap dengan penuh adab sopan ( $\text{min}=4.62$  dan  $\text{sp}=0.57$ ). Item ini untuk melihat sejauhmana pengamalan konteks komunikasi berhemah dan beradab sebagaimana dianjurkan Islam. Dapatkan menunjukkan item-item dalam kepatuhan terhadap akhlak dan muamalat Islam di atas saling menyokong dan mengukuhkan satu sama lain dengan kadar skor yang tinggi secara keseluruhan. Al-Ghazali (1997) berpendapat manusia yang ingin memiliki akhlak yang baik mestilah melazimkan dirinya dengan usaha-usaha untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Sementara itu Christopher Kossen et.al.(2013) pula menambah, "Etika dari keseluruhan cawangan falsafah dan definisi falsafah tentang etika boleh agak diperincikan dengan mendalam, tetapi etika sentiasa dikaitkan dengan moral. Apabila kita bercakap tentang etika kita bercakap tentang mematuhi

peraturan (legal) atau apa yang dibenarkan (permissible), tetapi apa yang betul dari aspek moral: iaitu apa yang baik.

Manakala item, Semakin maju negara itu semakin hilang nilai-nilai agama dalam masyarakat menunjukkan skor min yang sederhana tinggi ( $\text{min}=3.02$  dan  $\text{sp}=1.43$ ). Ini menggambarkan kemajuan sesebuah negara tidak semestinya mempengaruhi keruntuhan nilai-nilai agama dalam sesebuah masyarakat dan ketamadunan. Manakala skor kekerapan dan peratusan menunjukkan hampir separuh bersetuju kemajuan sesebuah negara akan menghakis nilai-nilai agama tersebut, iaitu; 70 responden (19.3%) sangat bersetuju, 88 (24.3%) setuju, 63 (17.4%) kurang setuju, 63 (17.4%) tidak setuju dan 78 (21.5%) sangat tidak setuju dengan pandangan tersebut. Berdasarkan skor tersebut menunjukkan lebih sebahagian responden tidak bersetuju, manakala kurang daripada separuh daripadanya pula bersetuju dengan kenyataan tersebut. Menurut bukti sejarah Ibnu Khaldun menyebut di dalam 'al-Muqaddimah' antara penyebab keruntuhan peradaban dan ketamadunan sesebuah kerajaan dan negara adalah apabila berlakunya keruntuhan moral dan kebejatan akhlak dalam masyarakat negara tersebut. Namun, dalam konteks di atas, menunjukkan sebahagian bersetuju dengan item tersebut manakala hampir sebahagian lagi tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

### Kepatuhan terhadap Pendidikan Islam

Skor min yang tinggi pada item,Saya akan memastikan anak-anak dan keluarga saya mendapat pendidikan agama Islam sepenuhnya ( $\text{min}=4.69$  dan  $\text{sp}=0.52$ ) menunjukkan responden mempunyai dorongan yang kuat dan sikap bertanggungjawab yang tinggi untuk memelihara anak-anak dan ahli keluarga mendapat pendidikan agama Islam sepenuhnya. Ini kerana hanya dengan pendidikan agama sahaja yang mampu memajukan dan membangunkan sebuah ketamadunan serta mengubah sosialisasi masyarakat kepada kepada lebih baik dan cemerlang. Saya selalu menghadiri kelas keagamaan ( $\text{min}=404$ ,  $\text{sp}=099$ ). Item ini untuk melihat sejauh mana kekerapan dalam mempelajari tentang agama. Kekerapan tersebut menggambarkan minat dan dorongan yang kuat untuk mengetahui secara mendalam tentang ajaran agama Islam melalui bimbingan kelas-kelas pengajian keagamaan, yang menonjolkan aspek kepatuhan yang tinggi terhadap agama. Begitu juga pada item, Saya selalu merujuk kepada tokoh agama (Imam/Ustaz/ Bilal) ( $\text{min} = 4.29$  dan  $\text{sp}=0.79$ ) menunjukkan kepatuhan beragama dan kesedaran untuk merujuk permasalahan agama

kepada orang yang sepatutnya (berotoriti) iaitu golongan pakar dalam hal ehwal agama Islam.

## RUMUSAN PENGAMALAN KEAGAMAAN MASYARAKAT BIDAYUH ISLAM SARAWAK

Keseluruhan skor berada di tahap yang tinggi iaitu, min=4.41 dan sp=0.69 menunjukkan tahap pengamalan yang tinggi dalam semua aspek iaitu; Kepatuhan terhadap Perlaksanaan Ibadat Islam, Kepatuhan terhadap Akhlak dan Muamalah Islam, Keyakinan dan Kekuatan Jiwa (Spiritual) melalui akidah Islam, Kesan Beriman kepada Allah SWT dan Bimbingan dan Jaminan Sosial Islam. Ini membuktikan ajaran Islam terserap secara seimbang dan keseluruhan melalui pengamalan dan penghayatan hidup seharian masyarakat Bidayuh di Sarawak. Skor min keseluruhan tahap pengamalan keagamaan adalah berada di tahap yang tinggi iaitu; min=4.35 dan sp=0.37 menunjukkan pegangan keagamaan yang mantap dalam perlaksanaan nilai dan ajaran Islam. Begitu juga terdapat kesan hasil dari memahami ajaran agama Islam yang terserap dalam segala aspek kehidupan seperti pemikiran dan cara hidup masyarakat Bidayuh Sarawak. Skor yang tinggi juga membuktikan kadar kepatuhan yang tinggi dalam pengamalan akidah, ibadat, akhlak dan muamalah Islam secara komprehensif.

## ANALISIS PERBEZAAN

Dalam analisis perbezaan selanjutnya, ujian MANOVA digunakan berdasarkan kepada tahap persoalan kajian.

Perbezaan Pengamalan Keagamaan dalam Kalangan Masyarakat Bidayuh Islam di Sarawak Berdasarkan Jantina dan Cabang Etnik.

### **Perbezaan Pengamalan Keagamaan Berdasarkan Jantina.**

Persoalan kajian: Adakah terdapat perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina?  
(Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina). Ujian t bebas dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan pengalaman keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina. Hasil analisis ujian t bebas tersebut seperti Jadual 2 berikut.

**Jadual 2: Ujian t bebas perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina**

Jantina	N	Min	Sp	t	df	Sig.
Lelaki	164	4.31	0.37	-1.698	360	0.090
Perempuan	198	4.38	0.37			

Jadual 2 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengalaman keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina dengan nilai  $t = -1.698$  dan  $\text{sig} = 0.090$  ( $p>0.05$ ). Dari segi min menunjukkan responden perempuan ( $\text{min} = 4.38$  dan  $\text{sp} = 0.37$ ) mempunyai pengamalan keagamaan yang dianut yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki ( $\text{min} = 4.31$  dan  $\text{sp} = 0.37$ ). Namun, perbezaan tersebut tidak signifikan. Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina adalah diterima.

**Perbezaan Pengamalan (Praktik) Keagamaan Berdasarkan Cabang Etnik.**  
 Persoalan kajian : Adakah terdapat perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik? ( $H_0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik). Ujian Anova satu hala (Chua Yan Piaw:2006) dan (Pallant :2005) dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik. Hasil analisis ujian anova satu hala tersebut seperti Jadual 3 berikut.

**Jadual 3: Min dan sisihan piawai perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik.**

Cabang Etnik	N	Min	Sisihan Piawai
Selakau/Lara	71	4.46	0.35
Jagoi/Singai	93	4.18	0.37
Biatah	130	4.33	0.34
Bukar/Sadong	68	4.51	0.34
Jumlah	362	4.35	0.37

Jadual 3 menunjukkan bahawa berdasarkan nilai min, cabang etnik Bukar/Sadong (min = 4.51 dan sp = 0.34) mempunyai pengamalan keagamaan lebih tinggi berbanding dengan etnik Selakau/Lara (min = 4.46 dan sp = 0.35), Etnik Biatah (min = 4.33 dan sp = 0.34) dan etnik Jagoi/Singai (min = 4.18 dan sp = 0.37). Bagi melihat perbezaan tersebut secara signifikan, maka dijalankan analisis ujian Anova satu hala seperti berikut.

Jadual 4: Ujian Anova satu hala perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik.

Cabang etnik (Kumpulan)	Jumlah		Min		
	kuasa dua	Df	kuasa dua	F	Sig.
Antara Kumpulan(etnik)	5.505	3	1.835	15.010	0.000
Dalam Kumpulan(etnik)	43.763	358	0.122		
Jumlah	49.267	361			

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik dengan nilai F = 15.010 dan sig = 0.000 ( $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik adalah ditolak. Pada jadual 4 di atas, ujian anova satu hala digunakan untuk mengukur perbezaan secara keseluruhan. Namun, bagi melihat perbezaan tersebut dengan lebih terperinci, iaitu secara satu persatu setiap kumpulan (cabang etnik) tersebut terhadap pengamalan keagamaan, maka dijalankan ujian Post Hoc seperti pada Jadual 5 berikut.

Jadual 5: Post Hoc perbezaan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik.

(I) Cabang Etnik	(J) Cabang Etnik	Perbezaan min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Selakau/Lara	Jagoi/Singai	0.29	0.06	0.000
	Biatah	0.13	0.05	0.097
	Bukar/Sadong	-0.05	0.06	0.872
Jagoi/Singai	Selakau/Lara	-0.29	0.06	0.000
	Biatah	-0.16	0.05	0.015
	Bukar/Sadong	-0.34	0.06	0.000
Biatah	Selakau/Lara	-0.13	0.05	0.097
	Jagoi/Singai	0.16	0.05	0.015
	Bukar/Sadong	-0.18	0.05	0.009
Bukar/Sadong	Selakau/Lara	0.05	0.06	0.872
	Jagoi/Singai	0.34	0.06	0.000

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak antara cabang etnik Selakau/Lara dengan etnik Jagoi/Singai dengan catatan perbezaan min = 0.29 dan sig = 0.000 ( $p<0.05$ ). Dari segi min menunjukkan bahawa etnik Selakau/Lara mempunyai pengamalan keagamaan yang lebih tinggi berbanding dengan etnik Jagoi/Singai. Terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak antara cabang etnik Jagoi/Singai dengan etnik Biatah dengan catatan perbezaan min = -0.16 dan sig = 0.015 ( $p<0.05$ ). Dari segi min menunjukkan bahawa etnik Biatah mempunyai pengamalan keagamaan yang lebih tinggi berbanding dengan etnik Jagoi/Singai. Selanjutnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik lainnya ( $p>0.05$ ). Ujian Pos Hoc dalam Jadual 5 di atas dibuat adalah secara terperinci iaitu satu persatu setiap kumpulan (cabang etnik) terhadap pengamalan keagamaan responden.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya skor yang tinggi dalam pengamalan (praktik) agama masyarakat Bidayuh Islam di Sarawak membuktikan kadar kepatuhan yang tinggi dalam pengamalan akidah, ibadat, akhlak dan muamalah Islam secara kondusif dan komprehensif. Begitu juga kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan (praktik) keagamaan dalam kalangan

masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan jantina. Sebaliknya terdapatnya perbezaan yang signifikan pengamalan (praktik) keagamaan dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak berdasarkan cabang etnik. Justeru, semua ini membuktikan penghayatan agama masyarakat Bidayuh Islam secara keseluruhan adalah mantap dan memuaskan iaitu menepati nilai-nilai dan ajaran Islam yang syumul.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Monir Yaacob. 2005. Hak dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum dari Perspektif syariah', dalam Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ahi Sarok. 30 Januari 2002. Politik dan Perpaduan Masyarakat Bidayuh. <http://www.bidayuh.com/article/massages/58.html>(17.01.2012)

Al-Ghazali, Abu hamid Muhammed Bin Muhammad. 1997. Akidah Muslim. (terj). Selangor: Thinkers Library

Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad. 1985. Al-Jami' Li-Ahkam al-Quran. Dar Ehya', al-Turath al-Arab.Jil.8

Jabatan Perangkaan Malayia (2010)

Kossen, Christopher. et.al. 2013. Communicating for Success. Australia: Pearson Australia (a Division of Pearson Australia Group Pty Ltd).

Marina Binti Majeri. 2002/2003. Program Dakwah terhadap Saudara Baru: Suatu Kajian di Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) Bahagian Kuching. Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Yusuf Ahmad. 2003. Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nik Mustapha Hj. Nik Hassan. 2005. Islam dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia, dalam Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Nik Mustapha Hj.Nik Hassan, 2005. Hak dan Tanggungjawab Sosio-Ekonomi Pelbagai Kaum dalam Sesebuah Negara Islam, dalam Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Noresah Bt. Baharom, Hajah et.al. 2002. Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_.1991. Malaysia Kita. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara

\_\_\_\_\_.Penerbitan buku ini diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak bagi pihak Kerajaan Negeri (Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem) Sempena Perayaan Ulang Tahun ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia. 1988.(Cet.1). ADAT RESAM PENDUDUK SARAWAK. Kuching, Sarawak: Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia.

Sri Rahayu Ismail, 'Peranan Agama dalam pembangunan Insan: Perbandingan di antara Islam dan Konfusius, Seminar Islam dan Hubungan antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan (18-19 Januari 2006: KualaLumpur). Penganjur: Jabatan akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_. 'Warisan Budaya Malaysia Adat Resam-Masyarakat Etnik Sarawak' adalah  
dari laman web berikut;  
[http://malaysiana.pnm.my/01/010403swkbidayuh\\_pengenalan.htm](http://malaysiana.pnm.my/01/010403swkbidayuh_pengenalan.htm)  
(07.11.2011)

Roziah Binti Chek  
Calon Doktor Falsafah  
Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Emel: croziah@yahoo.com

Profesor Madya Dr. Jaffary Bin Awang  
Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Emel: jaffary@ukm.edu.my